

Amanat Naib Canselor 2023: Memperkasa Komuniti Ke Arah Kelestarian Sejagat



Kota Samarahan: Majlis Amanat Naib Canselor 2023 (ANC 2023) telah berlangsung pada 14 Februari 2023 bertempat di Arena Gemilang, DeTAR Putra.

Tema ANC 2023 ialah Memperkasa Komuniti Ke Arah Kelestarian Sejagat. Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi telah menekankan peranan dan keterlibatan UNIMAS bersama-sama komuniti dengan 5 fokus

utama Pelan Strategik UNIMAS 2021-2025 yang menjadi penggerak kepada usaha untuk menjadikan UNIMAS sebagai jenama global.

UNIMAS kini bersedia mengorak langkah lebih jauh selaku peneraju untuk memenuhi keperluan komuniti selari dengan agenda pembangunan dan kemajuan negara. Dengan adanya program-program kolaborasi bersama komuniti, para pen-

yelidik UNIMAS dapat mempelajari sesuatu yang baharu berkaitan kepelbagaian, keunikan dan kekayaan khazanah tempatan sekaligus dapat memperkenalkan penyelidikan dan penemuan baharu ke persada dunia.

Pelbagai inisiatif dan komitmen dalam ANC 2023 telah dirangka bagi menyokong matlamat dan dasar kerajaan.

Lawatan Kerja ke Jabatan Strategik, UPSI

Tanjung Malim: SQRC telah berpeluang mengadakan lawatan kerja ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 16 Februari 2023. Lawatan telah diketuai oleh Pengarah SQRC, Prof Dr Tarmiji Masron dan disertai Prof Madya Dr Lee Nung Kion dan En Gustinata Basuan.

Delegasi SQRC telah disambut oleh Pengarah Strategik UPSI, Prof Madya Dr Azmi Mohamed yang turut berkongsi maklumat berkaitan pengurusan penarafan antarabangsa dan pengurusan data strategik di UPSI.

Sebagai salah satu inisiatif strategik, rombongan turut dibawa melawat Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), *National Child Development Research Centre* (NCDRC) dan Muzium Pendidikan Nasional UPSI.



Ringkasan Sepintas Lalu

Pra-bengkel Ketua Strategi Fakulti telah diadakan oleh SQRC pada 6 Mac 2023 yang lalu. Ia merupakan perjumpaan bersama-sama Ketua Strategi Fakulti bagi membincangkan dan melihat persediaan terkini pihak fakulti berkaitan Bengkel *Strategic Roadmap* yang akan diadakan pada 18-19 Mac 2023.

Mesyuarat Penyelarasan Data e-Pembelajaran telah diadakan pada 24 Februari 2023 bersama pihak Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia (CALM). Data ini adalah keperluan terkini dalam Sistem MyMoheS bagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025.



Hands on Risk Register

Kota Samarahan: Unit Pengurusan Risiko SQRC telah mengadakan sesi *Hands on Risk Register* mulai 6-10 Mac 2023 yang lalu. Sebanyak lapan (8) Pusat Tanggungjawab (PTj) telah terlibat dalam sesi ini.

Para peserta terdiri daripada Pengurus Risiko dan staf PTj yang baharu dilantik dalam JK Pengurusan Risiko di PTj masing-masing. Peserta telah dibimbing menggunakan sistem pengurusan risiko baharu yang telah dibangunkan oleh SQRC.

Para peserta turut didedahkan kepada kepentingan dan kesedaran berhubung amalan pengurusan risiko di UNIMAS. Penekanan diberikan terhadap penajajaran pengurusan risiko dengan Pelan Strategik Universiti dan objektif kualiti PTj.



Sesi *Hands on Risk Register* bersama PTj (6-10 Mac 2023)

Retreat SQRC 2023

Kabong: Retreat SQRC 2023 telah berlangsung di Tanjung Kembang, Kabong pada 3-4 Mac 2023 melibatkan staf dalaman SQRC. Antara lain objektif utama retreat ini adalah bagi merencana strategi memantapkan operasi dan mutu perkhidmatan serta penyampaian selain mengenalpasti mandat dan arahan-arahan terkini dari pemegang taruh.



Staf SQRC turut berkesempatan mengadakan aktiviti *University Social Responsibility (USR)* di sepanjang Pantai Tanjung Kembang, Kabong bersempena dengan *Kabong International Kite Festival 2023* yang berlangsung dari 1-6 Mac 2023.



HANDS ON RISK REGISTER

Dates available:
6 - 10 March 2023

📍 SQRC Meeting Room

🕒 Sessions available:
9.30 am
2.00 pm

📄 Scan here to book your session:

UNIMAS STRATEGIC PLANNING, QUALITY & RISK MANAGEMENT CENTRE
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

UNIMAS STRATEGIC PLANNING, QUALITY & RISK MANAGEMENT CENTRE
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Risk Management Report Submission 2023

📄

QUARTER 1: 15 MARCH
QUARTER 2: 15 JUNE
QUARTER 3: 15 SEPTEMBER
QUARTER 4: 15 DECEMBER

<https://speed-new.unimas.my/risk/auth/callback.php>

FOR ENQUIRIES, CONTACT US AT SQRC:
Dayang Zuliana 1101 or Adeline 1233

UNIMAS STRATEGIC PLANNING, QUALITY & RISK MANAGEMENT CENTRE
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Salam Ramadan
& Selamat menunaikan ibadah puasa

"Seslapa yang berpuasa Ramadhan kerana iman dan ketaatan kepada Allah, serta mengharapkan keredhaannya, akan diampunkan semua dosanya yang telah lepas."

(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Ikhtisarah warah
Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti & Risiko





PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH:
PROF DR TARMJI MASRON

TIMBALAN PENGARAH:
PROF MADYA DR LEE NUNG KION

PENOLONG PENDAFTAR KANAN:
DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN:
GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN:
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT:
NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN:
NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR:
SITI AFIZAH JAMIL
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

PEMBANTU OPERASI:
ROZAIMI ANIS


Kalendar Aktiviti

Februari 2023

BIL	PERKARA	TARIKH
1	Sumbangsan Majlis Dekan	1-3/2/2023
2	Briefing on the new revision of ISMS ISO/IEC 27001:2022	2/2/2023
3	QS WUR 2024 Submission	6/2/2023
4	Perjumpaan Bersama Dekan & Ketua Strategi Fakulti (<i>Strategic Roadmap</i>)	13/2/2023
5	Surveillance Assessment SMM (FENG Lab)	14/2/2023
6	Lawatan Kerja ke UPSI	16/2/2023
7	Mesyuarat Penyelarasan Bengkel TWG HE RMK12 (Bab 10)	17/2/2023
8	Mesyuarat JSKU Bil.01/2023 Ke-26	22/2/2023
9	Bengkel TWG HE (Bab 10) RMK-12	22-23/2/2023
10	Mesyuarat Penyelarasan Data e-Pembelajaran Sistem MyMoheS Sem 1 Sesi 2023/2024	24/2/2023

Mac 2023

BIL	PERKARA	TARIKH
1	Mesyuarat JK PPMC OBB Tahun 2024	2/3/2023
2	Retreat SQRC	3-4/3/2023
3	Hands on Risk Register	6-10/3/2023
4	Faculty Strategic Roadmap Pre-Workshop	6/3/2023
5	Risk Management Report Submission (Q1)	15/3/2023
6	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Prestasi Program (PPMC) OBB KPT	15/3/2023
7	THE DataPoints Refresher Training	17/3/2023
8	Strategic Roadmap Workshop	18-19/3/2023
9	Bengkel Semakan Dokumen ISMS	27-28/3/2023
10	QS WUR: Sustainability 2024 Submission	28/3/2023
11	Mesyuarat JK ISMS Bil.01/2023	30/3/2023
12	THE WUR 2024 Submission	30/3/2023



STRATEGIC PLANNING, QUALITY
 & RISK MANAGEMENT CENTRE

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko

Universiti Malaysia Sarawak

Aras 3, Canselor

94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia